

<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>MCIS Insurance Berhad</b>
<b>Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Life Plus. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am Polisi Induk.</b>	<b>Life Plus</b>

**1. Apakah ciri-ciri produk ini?**

Life Plus ialah, pelan insurans premium tunggal tanpa penyertaan yang ditawarkan kepada pelanggan pembiayaan motosikal baharu AEON Credit Service (M) Berhad. Produk ini ditawarkan berdasarkan penerimaan yang dijamin.

*Nota: Life Plus tidak terikat dengan pembiayaan motosikal anda dan faedah akan dibayar kepada penama atau pelaksana yang sah anda sekiranya berlaku sebarang tuntutan.*

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Pelan ini melindungi:

Manfaat	Amaun yang akan dibayar
Kematian akibat Semulajadi	RM 10,000.00
Kematian akibat Kemalangan	RM 30,000.00

Nota:

- 1) Sila rujuk Polisi Induk untuk maklumat lanjut mengenai manfaat-manfaat yang disediakan.
- 2) Semua amaun tuntutan yang dibayar akan ditransaksikan dalam Malaysia Ringgit (RM).

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Anda tidak perlu membayar apa-apa premium kepada MCIS Insurance Berhad. Premium telah dibayar untuk anda oleh AEON Credit Service (M) Berhad.

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Anda tidak perlu membayar apa-apa yuran dan caj kepada MCIS Insurance Berhad.

**5. Apakah terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui ?**

- **Kepentingan pendedahan** – Anda perlu mendedahkan semua fakta penting yang diminta dalam borang permohonan
- **Tempoh Bertenang** – Anda diberi 15 hari dari tarikh berjaya mendaftar untuk menyemak terma dan syarat perlindungan insurans. Anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad atau Pemegang Polisi Induk dengan menghantar permohonan rasmi bertulis untuk pembatalan dalam tempoh 15 hari Tempoh Bertenang. Premium yang telah dibayar akan dibayar balik kepada Pemegang Polisi Induk.
- **Duti Setem** – Akan dibayar oleh Pemegang Polisi Induk .
- **Tempoh Perlindungan** – Tempoh perlindungan adalah 1 tahun dari Tarikh Sijil Berkuat Kuasa.
- **Kelayakan** – Umur kemasukan yang dibenarkan bagi Hayat yang Diinsuranskan adalah daripada umur 18 tahun pada hari jadi seterusnya sehingga umur 65 tahun pada hari jadi seterusnya. Selain itu, mereka yang layak dilindungi di bawah pelan ini adalah warganegara Malaysia dan pelanggan Pemegang Polisi Induk.
- **Bilangan Sijil Maksimum** – Hanya 3 Sijil Insurans dibenarkan bagi setiap Hayat yang Diinsuranskan dalam mana-mana satu tempoh perlindungan.
- **Cukai** – Sebarang cukai yang dikenakan (sama ada sedang berkuat kuasa atau akan dilaksanakan kemudian) pada kadar semasa seperti yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkenaan dari semasa ke semasa akan dipinda atau dikenakan apabila perlu.
- **Penamatan** – MCIS Insurance Berhad berhak untuk membatalkan Polisi Induk secara keseluruhan jika MCIS Insurance Berhad memutuskan untuk tidak menyambung produk insurans tersebut dengan memberikan Pemegang Polisi Induk notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari sebelum. Perlindungan Sijil Insurans, akan tamat pada Tarikh Luput Sijil seperti ditetapkan dalam Sijil Insurans.
- **Tempoh Tangguh** - Tempoh Tangguh selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil atau invoice cukai premium oleh MCIS Insurance Berhad, yang mana terkemudian, akan dibenarkan untuk pembayaran premium daripada Pemegang Polisi Induk. Sijil Insurans akan terus berkuat kuasa dalam tempoh tersebut. Jika MCIS Insurance Berhad tidak menerima premium sepenuhnya daripada Pemegang Polisi Induk dalam Tempoh Tangguh, Sijil Insurans akan luput atau berhenti berkuat kuasa selepas tempoh tersebut tamat.
- **Penamaan** – Anda dinasihatkan untuk menamakan penama bagi pelan ini dan memastikan penama anda maklum tentang pelan insurans yang telah anda beli. Penamaan boleh dibuat pada masa Sijil Jaminan dikeluarkan. Jika Hayat Yang Diinsuranskan tidak menerimanya, anda boleh memintanya daripada MCIS Insurance Berhad.
- **Aktiviti Haram** – Jika anda atau mana-mana individu yang dikaitkan dengan pelan ini didapati terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) atau Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, MCIS Insurance Berhad berhak untuk menahan atau menamatkan urusan permohonan perniagaan, polisi atau urus niaga termasuk pembayaran tuntutan di bawah pelan ini jika dianggap sesuai dan wajar. MCIS Insurance Berhad tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau potensi kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana langkah yang diambil.

<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>MCIS Insurance Berhad</b>
<b>Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Life Plus. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am Polisi Induk.</b>	<b>Life Plus</b>

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Polisi Induk untuk terma dan syarat di bawah pelan ini.*

**6. Apakah pengecualian utama di bawah produk ini?**

- Manfaat kematian akibat semulajadi tidak akan dibayar jika Hayat yang Diinsuranskan:
  - a) Mencederakan diri sendiri atau bunuh diri sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Sijil Insurans Berkuat Kuasa; atau
  - b) Melakukan perbuatan menyalahi undang-undang atau tindakan yang diambil oleh penguat kuasa undang-undang.

Sekiranya berlaku peristiwa tersebut, kami akan mengembalikan premium yang telah dibayar tanpa faedah kepada Pemegang Polisi Induk dan sijil akan ditamatkan selepas itu.

- Manfaat kematian akibat kemalangan tidak akan dibayar jika Hayat yang Diinsuranskan:
  - a) Mencederakan diri sendiri atau bunuh diri sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Sijil Insurans Berkuat Kuasa; atau
  - b) Kelemahan badan atau gangguan mental atau fungsi atau sebarang bentuk penyakit atau kesakitan, sebarang jangkitan melainkan jangkitan yang berlaku secara serentak dan disebabkan oleh kecederaan atau luka akibat kemalangan; atau
  - c) Mengambil racun atau terhidu gas, sama ada secara sukarela atau sebaliknya.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Polisi Induk untuk senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan perlindungan insurans saya (selepas tempoh bertenang)?**

Ya. Anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda dengan menghantar permohonan rasmi bertulis untuk pembatalan kepada Pemegang Polisi Induk atau MCIS Insurance Berhad dan pembatalan akan berkuat kuasa pada Tarikh Luput Sijil. Tiada pembayaran balik premium atau pembayaran balik premium pro-rata akan dibayar.

**8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran hubungan saya / penama saya?**

Penting bagi anda / penama anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada butiran hubungan untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda / penama anda tepat pada masanya. Terdapat beberapa cara anda boleh berbuat demikian:

- a) E-mel kami di [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my) dan memohon Borang Penamaan;
- b) Menelefon Pusat Hubungan Pelanggan kami di +603-76523388;
- c) Kunjungi cawangan MCIS Insurance Berhad berdekatan untuk bantuan.

**9. Bagaimana penuntut boleh membuat tuntutan?**

Penama/Pelaksana yang Sah anda perlu menyerahkan notis bertulis kepada Pemegang Polisi Induk atau MCIS Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari daripada tarikh kematian Hayat yang Diinsuranskan.

Sekiranya anda meninggal dunia, penuntut anda perlu mengemukakan dokumen berikut:

- a. Notis tuntutan bertulis
- b. Borang Tuntutan Kematian yang lengkap diisi
- c. Salinan Sijil Kematian yang diakui sah
- d. Kad Pengenalan Hayat yang Diinsuranskan
- e. Kad Pengenalan penama/penuntut
- f. Laporan Bedah Siasat untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan
- g. Laporan Polis untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan
- h. Borang Permohonan E-Bayaran
- i. Sebarang dokumen lain yang diperlukan oleh MCIS Insurance Berhad

Borang Tuntutan Kematian boleh didapati [disini](#)

Dokumen-dokumen tuntutan yang telah dilengkapkan perlu dihantar kepada MCIS Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari setelah tarikh makluman.

**10. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat dan insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada maklumat yang boleh didapati di laman web korporat kami [www.mcis.my](http://www.mcis.my).

<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>MCIS Insurance Berhad</b>
Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Life Plus. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am Polisi Induk.	<b>Life Plus</b>

Jika anda mempunyai apa-apa soalan, sila hubungi kami di:

**Pengedar/Broker:**

**ÆON Insurance Brokers (M) Sdn. Bhd. (sebelumnya dikenali sebagai Insurepro Sdn. Bhd.)**

Ibu Pejabat: Suite 3A-3, Level 3A, UOA Corporate Tower, Avenue 10, The Vertical, Bangsar South City, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Nombor untuk Dihubungi: +603-2721 8675

Emel: [ip\\_broking@insurepro.com.my](mailto:ip_broking@insurepro.com.my)

**MCIS Insurance Berhad (435318-U)**

Ibu Pejabat: Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor

Alamat Pos: Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor

Pusat Hubungan Pelanggan: 03-7652 3388

E-mel: [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)

Laman Utama: [www.mcis.my](http://www.mcis.my)

**11. Adakah terdapat jenis-jenis perlindungan sedia ada lain yang serupa?**

Sila kemukakan pertanyaan kepada ejen kami yang telah diberi kuasa untuk maklumat mengenai jenis-jenis pelan serupa lain yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad.

**NOTA PENTING:**

**MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI TERBAIK YANG MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA DAN MEMBINCANGKANNYA DENGAN WAKIL SAH ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Diunderait oleh: **MCIS INSURANCE BERHAD (435318-U)**

**MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.**